

Sup 'Gearbox', Air Long Chan Sajian Istimewa

388 Rasa-Rasa Ramadan Di Oasis Philea Resort & Spa



Sup 'Gearbox'

OLEH: MISROM MATLEHAM

AYER KEROH, 23 Julai-Keenakan juadah cita rasa tempatan dan barat pasti memberi kepuasan apabila dinikmati sebagai sajian istimewa berbuka puasa di Oasis Philea Resort & Spa yang menawarkan 388 Rasa-Rasa Ramadan.

Pengarah Pemasaran dan Komunikasi Philea Resort & Spa, Connie Chin berkata sajian buffet yang ditawarkan sepanjang Ramadan kali ini menggabungkan beraneka cita rasa, khususnya menu tempatan, Barat dan Timur Tengah seperti Kambing Bukhara; sup gearbox, pasembur; 'Mongolian Hot Plate'; 'steamboat', di samping kuih muih tradisional dan

air Long Chan sebagai pembasah tekak serta pelbagai lagi sajian pelengkap 388 Rasa-Rasa Ramadan.

Katanya, pemilihan juadah istimewa 388 Rasa-Rasa Ramadan dibuat berdasarkan kepada cita rasa dan selera orang ramai yang berpeluang memilih sajian diidamkan dengan harga berpatutan RM72++(Dewasa) dan RM40++(Kanak-kanak).

Philea Resort & Spa juga kata Connie Tan lagi turut Pakej Istimewa Ramadan dengan menawarkan bilik pada harga RM345 satu malam, manakala bagi penginapan 2 hari 1 malam, pelanggan berpeluang menikmati sajian bersahur dan berbuka puasa untuk dua orang.

"Bagi mereka yang



Air Long Chan antara minuman yang sangat digemari sebagai pembasah tekak ketika berbuka

ingin merasai suasana Hari Raya Di Melaka, kami turut menyediakan pakej khas pada harga RM575 satu malam, termasuk makan malam istimewa untuk dua orang serta merasai pengalaman memasak rendang dan membakar lemag, selain pelbagai pakej lain untuk tempoh 7 hingga 10 Ogos," ujarnya.

Maklumat lanjut hubungi 06 232 8336 atau emailfb@phileahotel.com.my.



'Steamboat' ada menu istimewa yang disajikan di resort berkenaan



Serunding daging



Connie Tan (kiri sekali) bersama Chef Wang dan Chef Fezerin serta kakitangan Philea Resort & Spa menunjukkan beberapa menu istimewa 388 Rasa-Rasa Ramadan seperti sup gearbox dan Kambing Panggang Bukhara



Pelbagai ulam-ulaman dan sambal